



**PENJELASAN TERHADAP  
ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN  
MENGENAI RANG UNDANG-UNDANG  
MAJLIS KESELAMATAN NEGARA 2015**

**PENJELASAN TERHADAP  
ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN  
MENGENAI RANG UNDANG-UNDANG  
MAJLIS KESELAMATAN NEGARA 2015**

- 1. Dakwaan bahawa RUU MKN 2015 tidak sah (*unconstitutional*) kerana bercanggah dengan Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan 1957.**
  - 1.1 RUU ini tidak dibuat di bawah Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan. Ia dibuat di bawah kuasa Parlimen mengikut Perkara 74(1) Perlembagaan Persekutuan dibaca dengan butiran 2 dan 3 Perlembagaan Persekutuan. Fasal (1) perkara 74 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Parlimen boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu antara lain, di bawah Senarai Pertama Jadual Kesembilan.
  - 1.2 Hal perkara berhubung “pertahanan bagi persekutuan” dan “keselamatan dalam negeri” adalah merupakan perkara yang dinyatakan dengan jelas di bawah butiran 2 dan 3 Senarai Pertama Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, RUU MKN yang merupakan suatu undang-undang bagi maksud keselamatan negara adalah di bawah bidang kuasa Parlimen untuk membuat undang-undang dan sekaligus berada di bawah bidang kuasa eksekutif Persekutuan.
  - 1.3 RUU ini juga tidak menjejaskan hak asasi yang dilindungi di bawah Perkara 5, 9, 10 dan 13 Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu tidak ada keperluan supaya diadakan ‘*recital*’ bagi menyatakan RUU dibuat di bawah Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan. Malahan, RUU ini tidak memperuntukkan apa-apa kesalahan yang baru mahupun prosedur luar biasa daripada yang diperuntukkan di dalam undang-undang sedia ada. Tambahan lagi, tujuan RUU ini bukanlah untuk mengisytiharkan darurat tetapi untuk mengisytiharkan kawasan keselamatan.

**2. Dakwaan bahawa RUU ini menonjolkan *dictatorship* Perdana Menteri sedangkan sepatutnya hanya YDP Agong sahaja yang mempunyai kuasa untuk membuat perisytiharan darurat**

2.1 RUU ini bukan untuk mengisytihar darurat di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan tetapi untuk mengisytiharkan kawasan keselamatan. Terdapat perbezaan yang ketara antara darurat dan kawasan keselamatan. Darurat hanya boleh diisytiharkan oleh YDP Agong apabila berlaku darurat yang besar (*grave emergency*) dan bukannya ancaman keselamatan biasa. Sebaliknya perisytiharan kawasan keselamatan akan dilakukan apabila berlaku 'ancaman yang serius terhadap keselamatan negara' dan bukannya 'darurat yang besar'. Ini bermaksud, tahap ancaman yang membolehkan perisytiharan kawasan keselamatan oleh Perdana Menteri adalah lebih rendah berbanding tahap ancaman bagi maksud perisytiharan darurat oleh YDPA. Maka tidak timbul isu '*power grab*' ataupun '*promoting dictatorship*'. Kuasa untuk mengisytihar darurat masih kekal kepada YDPA di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan.

2.2 Oleh yang demikian, Perdana Menteri tidak mempunyai kuasa penuh dalam RUU ini. RUU ini juga tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, landskap keselamatan negara kini tidak seperti dulu. Maka Kerajaan memerlukan pendekatan yang drastik dan holistik dalam mengurus keselamatan negara. Dengan adanya RUU ini, Kerajaan mampu melicinkan pengurusan operasi di kawasan-kawasan keselamatan bagi menjaga keharmonian rakyat dalam negara. RUU ini bukan bersifat negatif tetapi bertujuan menjaga keselamatan seluruh rakyat Malaysia termasuk pembangkang.

**3. Dakwaan bahawa RUU ini digubal untuk menjamin kepentingan Perdana Menteri dan UMNO.**

3.1 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menubuhkan Majlis Keselamatan Negara secara formal sebagai agensi yang bertanggungjawab menggubal dan menyelaras dasar-dasar keselamatan negara bagi menjamin keselamatan rakyat dan negara. Sepertimana *National Security Council* di luar negara, NSC dipengerusikan oleh Perdana Menteri atau

Presiden dengan ahli-ahli yang dilantik. Ia bertujuan untuk menjamin keselamatan negara dan bukannya untuk kepentingan Perdana Menteri atau UMNO atau mana-mana pihak berkepentingan.

**4. Dakwaan bahawa Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sepatutnya berada di bawah kuasa YDPA tetapi telah diambil alih oleh Perdana Menteri di bawah RUU ini.**

4.1 YDPA tidak melaksanakan *operational command* terhadap ATM. YDPA adalah *field marsyal* ATM, ketua dari segi istiadat dan simbol ketenteraan. Dari segi pelaksanaan operasi dalam situasi bukan peperangan, ATM tidak mempunyai kuasa perundangan untuk menjalankan tugas operasi keselamatan dalam negeri. Oleh yang demikian, RUU ini adalah penting dalam membolehkan ATM menjalankan operasi menangani ancaman keselamatan negara bersama-sama dengan Pasukan Keselamatan yang lain.

**5. Dakwaan bahawa RUU ini tidak dirujuk kepada Majlis Raja-Raja dan YDPA terlebih dahulu sebelum dibahaskan di Dewan Rakyat.**

5.1 RUU ini digubal berdasarkan kuasa perundangan Parlimen di bawah senarai persekutuan, jadual kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, tiada keperluan untuk merujuk RUU ini kepada Majlis Raja-Raja kerana ia bukanlah suatu undang-undang yang memberi kesan secara langsung kepada keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran Raja-Raja.

**6. Dakwaan bahawa ancaman keselamatan yang dihadapi oleh negara kini tidak begitu serius sehingga memerlukan pengubalan RUU ini.**

6.1 Ancaman terhadap keselamatan negara boleh berlaku pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja tanpa dapat dijangka. Persoalannya ialah sejauh mana kita bersedia untuk menangani ancaman keselamatan yang bersifat rentas sempadan, amat kompleks dan mampu mengganggu-gugat keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat?. Memandangkan bentuk-bentuk ancaman keselamatan

negara hari ini yang kompleks dan dinamik, maka Kerajaan perlu memperkukuhkan mekanisme dan sistem dalam penggubalan dasar-dasar keselamatan, perkongsian maklumat perisikan dan tindak balas segera yang bersepadu oleh Pasukan Keselamatan ke atas sesuatu insiden ancaman keselamatan yang di luar kemampuan sesebuah agensi. Kita tidak boleh menunggu sesuatu insiden atau ancaman berlaku, kemudian baru bertindak kerana ianya mungkin sudah terlambat dan mengorbankan banyak nyawa dan harta benda.

- 6.2 Insiden serangan pengganas di Lahad Datu pada tahun 2013 memberi pengajaran berguna buat Malaysia. Susulan insiden tersebut, Kerajaan telah mengisytihar kawasan keselamatan di Sabah (ESSZONE) dan bukan perisytiharan darurat di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan. Melalui perisytiharan kawasan keselamatan, ketenteraman awam di kawasan tersebut berjaya dipulihkan dan hak asasi penduduk di kawasan tersebut terjamin. Jika perisytiharan darurat di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan dibuat, segala aktiviti politik, ekonomi dan sosial sudah tentu akan lumpuh sama sekali. Ianya akan menyulitkan kehidupan seharian penduduk di Sabah.
- 6.3 Selain itu, RUU ini diwujudkan berikutan pemansuhan Ordinan Darurat 1971 dan Akta Darurat 1979 pada 2011. Kewujudan MKN pada masa kini adalah secara pentadbiran berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 1971. Kewujudan secara pentadbiran ini telah menjejaskan tindakan pengarah dan penyelarasan oleh MKN terhadap Pasukan Keselamatan dan Agensi-Agensi Kerajaan berkaitan keselamatan negara.
- 6.4 RUU ini juga akan memberikan kuasa kepada MKN untuk menyelaraskan tindakan bersepadu di kalangan anggota Pasukan Keselamatan. Ia turut memberi kuasa sewajarnya kepada Pasukan Keselamatan bagi menangani ancaman yang berlaku di dalam kawasan keselamatan yang diisytiharkan.

**7. Adakah RUU ini menghakis hak-hak keistimewaan negeri Sabah dan Sarawak?**

7.1 RUU ini tidak menghakis hak-hak keistimewaan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Perkara berhubung keselamatan negara adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan seperti yang diperuntukkan dalam item 2 dan 3 senarai 1 Perlembagaan Persekutuan. Memandangkan Sabah dan Sarawak adalah sebahagian daripada Malaysia, maka keselamatan Sabah dan Sarawak juga merupakan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.

**8. Kenapa tiada definisi keselamatan negara dalam RUU ini?**

8.1 Tiada definisi spesifik mengenai 'keselamatan negara' kerana bentuk ancaman keselamatan negara adalah dinamik dan berubah-ubah mengikut situasi semasa. Negara-negara lain juga tidak menyatakan definisi 'keselamatan negara' dalam Akta Majlis Keselamatan Negara masing-masing kecuali negara Antigua & Barbuda.

8.2 Namun, dalam konteks RUU MKN 2015 ini, keselamatan negara boleh difahami sebagai 'melindungi negara daripada sebarang ancaman yang menjejaskan kedaulatan, integriti wilayah, kestabilan sosio-politik, kestabilan ekonomi, sumber strategik dan apa-apa kepentingan yang berkaitan dengan keselamatan negara' seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 4(a). Ia merupakan bahawa elemen-elemen keselamatan negara merupakan kepentingan nasional (*national interest*) yang perlu dipertahankan dan dilindungi sepanjang masa.

**9. Kenapa tiada wakil negeri-negeri dalam Majlis keselamatan Negara?**

9.1 Keselamatan negara terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan sebagaimana termaktub di bawah Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan. Jika wakil negeri-negeri perlu untuk dirundingi, mereka boleh dijemput dalam mesyuarat MKN sebagai ahli turut hadir mengikut Fasal 10 RUU.

**10. Kenapa Pengerusi MKN Negeri di negeri-negeri pembangkang bukan Menteri Besar sebagaimana di negeri-negeri naungan Barisan Nasional?**

10.1 Bidang kuasa menguruskan keselamatan negara adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Pusat sepertimana yang termaktub di bawah Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, Perdana Menteri sebagai Pengerusi MKN berhak melantik sesiapa sahaja sebagai Pengerusi Keselamatan Negeri. Walau bagaimanapun, semua Menteri Besar/Ketua Menteri dimaklumkan mengenai kedudukan keselamatan dalam negeri masing-masing dari semasa ke semasa.

**11. Mengapa Fasal 11 RUU ini memberi kuasa yang luas kepada Majlis untuk menentukan segala tatacaranya termasuk berkenaan tatacara penguatkuasaan?**

11.1 Fasal 11 RUU ini adalah bagi membolehkan Majlis menentukan tatacara dalamannya iaitu berkenaan tatacara mesyuarat, perkara-perkara yang hendak dibincangkan di dalam mesyuarat dan perkara-perkara berkaitan pentadbiran Majlis. Fasal 11 bukanlah bertujuan untuk membolehkan Majlis membuat tatacara penguatkuasaan kerana perkara berkenaan penguatkuasaan telah diperuntukkan di dalam Bahagian V, RUU.

**12. Apakah perbezaan di antara kesan perisytiharan darurat dan perisytiharan kawasan keselamatan?**

12.1 Perisytiharan darurat akan menyebabkan semua pentadbiran di negeri yang diisytiharkan darurat akan diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan dan segala aktiviti politik, ekonomi dan sosial penduduk akan lumpuh dan terjejas. Hak untuk bergerak juga akan disekat. Tetapi perisytiharan kawasan keselamatan tidak akan menjejaskan aktiviti penduduk dan pentadbiran di negeri yang berkaitan. Ia cuma akan membolehkan Pasukan Keselamatan dikerah bertugas bagi mengawal ancaman di kawasan tersebut.

**13. Mengapa kuasa yang terlalu luas diberi kepada Perdana Menteri berhubung perisytiharan kawasan keselamatan?**

13.1 Kuasa Perdana Menteri di bawah Fasal 18 adalah untuk mengisytihar kawasan keselamatan atas nasihat Majlis dan bukannya secara bersendirian. Anggota-anggota Majlis terdiri daripada individu yang berkelayakan dan mempunyai pengetahuan sewajarnya dalam hal keselamatan negara. Oleh yang demikian, dakwaan bahawa RUU ini memberi kuasa yang luas kepada Perdana Menteri adalah tidak berasas sama sekali.

**14. Kenapa *visiting forces* boleh dikerah untuk bertugas di kawasan keselamatan dan adakah ia mempunyai kuasa secara automatik dalam RUU ini?**

14.1 Fasal 19(2) RUU ini memperuntukkan bahawa Majlis boleh mengeluarkan suatu perintah eksekutif berhubung pengeralahan tugas (*deployment*) mana-mana Pasukan Keselamatan. Dalam hubungan ini, *Visiting Forces* juga adalah tertakluk kepada arahan Pengarah Operasi dan Majlis yang dinyatakan di bawah Akta ini. Oleh yang demikian, *Visiting Forces* tidak mempunyai kuasa secara automatik di bawah RUU.

**15. Adakah kuasa Pasukan Keselamatan mengawal pergerakan adalah bercanggah dengan perkara 9 Perlembagaan Persekutuan berhubung kebebasan bergerak?**

15.1 Perkara 9(2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiap-tiap warganegara berhak bergerak dengan bebas di seluruh persekutuan dan bermastautin di mana-mana bahagiannya. Walau bagaimanapun, kebebasan bergerak ini adalah tertakluk kepada mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan keselamatan persekutuan atau mana-mana bahagiannya, ketenteraman awam, kesihatan awam atau penghukuman pesalah.

15.2 Fasal 24 RUU ini memperuntukkan kuasa kepada Pengarah Operasi untuk mengarahkan mana-mana anggota pasukan keselamatan di dalam kawasan keselamatan untuk mengawal pergerakan mana-mana orang atau mana-mana kenderaan, vesel, pesawat udara atau pengangkut,



melarang penggunaan jalan atau menutup jalan di dalam kawasan keselamatan.

15.3 Oleh yang demikian, Fasal 24 RUU yang merupakan suatu peruntukan undang-undang yang digubal bagi maksud memelihara ketenteraman awam dan keselamatan negara adalah tidak bercanggah dengan Perkara 9(2) Perlembagaan Persekutuan.

**16. Mengapakah Majistret atau Koroner diberi kuasa untuk tidak membuat inkues siasatan kematian ke atas mayat mana-mana orang yang mati dalam kawasan keselamatan di bawah Fasal 35 RUU ini?**

16.1 Fasal 35 ini hanya memberikan kuasa budi bicara kepada Majistret atau Koroner untuk mengetepikan pengadaaan siasatan kematian atau inkues ke atas mayat mana-mana orang jika dia berpuas hati bahawa orang itu telah terbunuh di dalam kawasan keselamatan akibat operasi yang dijalankan oleh Pasukan Keselamatan.

16.2 Peruntukan ini telah dimasukkan bagi membolehkan Majistret atau Koroner untuk tidak membuat inkues bagi kematian-kematian yang jelas puncanya dan tidak memerlukan penyiasatan lanjut (*post mortem*) bagi menentukan punca kematian.

16.3 Walau bagaimanapun, sekiranya Majistret atau Koroner meragui sebab kematian mana-mana anggota keselamatan atau mana-mana orang di dalam kawasan keselamatan itu, maka Majistret atau Koroner itu masih boleh menjalankan siasatan kematian dan inkues sewajarnya berdasarkan kuasa-kuasa yang ditetapkan di bawah seksyen 328 hingga 338 kanun tatacara jenayah. Jika keluarga si mati tidak berpuas hati dengan keputusan dibuat oleh Majistret atau Koroner, mereka boleh membuat semakan di bawah seksyen 341a Kanun Tatacara Jenayah di Mahkamah Tinggi seperti yang dibuat dalam kes Teoh Beng Hock.

**17. Adakah perlindungan terhadap guaman dan tindakan undang-undang di bawah Fasal 38 dan perlindungan di bawah Fasal 40 RUU MKN memberi imuniti secara total kepada anggota pasukan keselamatan terhadap apa-apa tindakan yang diambil di bawah RUU MKN?**

17.1 Fasal 38 RUU hanya memberi perlindungan kepada mana-mana ahli Majlis, jawatankuasa, pengarah operasi atau mana-mana anggota pasukan keselamatan atau kakitangan entiti kerajaan berkenaan apa-apa yang dilakukan atau ditinggalkan olehnya dengan suci hati (*in good faith*).

17.2 Akan tetapi, sekiranya, perbuatan atau apa-apa tindakan dilakukan atau ditinggalkan dengan berniat jahat, maka perlindungan ini tidak akan terpakai. Penentuan samada sesuatu tindakan dilakukan atau ditinggalkan itu adalah suci hati ataupun tidak adalah satu soalan fakta (*question of fact*) yang akan diputuskan oleh mahkamah.

17.3 Sementara itu, Fasal 40 yang memperuntukkan berhubung pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 menetapkan had tempoh (*time limitation*) bagi maksud memulakan apa-apa prosiding undang-undang. Ini bermakna sebarang prosiding undang-undang terhadap Majlis, mana-mana jawatankuasa, anggota keselamatan dan pihak-pihak dinyatakan di dalam Fasal 40 RUU tersebut perlu dimulakan dalam tempoh 36 bulan (3 tahun) dari tarikh perbuatan tersebut.

**18. Mengapa kuasa yang luas diberikan kepada Perdana Menteri untuk membuat peraturan-peraturan (*regulations*)?**

18.1 Dalam mana-mana undang-undang sekalipun, kuasa untuk membuat peraturan-peraturan sentiasa diberikan secara umum seperti yang dinyatakan dalam Fasal 42(1) RUU MKN. Walaupun dilihat luas, kuasa tersebut mesti digunakan bagi maksud menjalankan atau menguatkuasakan peruntukan akta ini. Dalam erti kata lain, "*within the four walls of the act*". Kuasa seperti ini boleh dilihat dalam Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA), Akta Peranti Perubatan 2012 dan sebagainya.

18.2 Jika Perdana Menteri membuat peraturan-peraturan di luar kuasa yang diberikan oleh Akta ini, peraturan-peraturan yang dibuat boleh dicabar di mahkamah. Oleh yang demikian, tiada kuasa yang “*absolute*” di bawah Akta ini.

## **PENUTUP**

RUU ini digubal demi memastikan keselamatan negara sentiasa terjamin dan diuruskan dengan berkesan. RUU ini tidak berniat untuk mengambil kuasa Yang DiPertuan Agong dan tidak melanggar mana-mana prinsip hak asasi rakyat Malaysia sebagaimana yang dijamin di dalam Perlembagaan Persekutuan.

**Majlis Keselamatan Negara  
Jabatan Perdana Menteri  
Disember 2015**